

Kabinet syor batal dahulu ternak babi di Bukit Tagar

Projek skala besar babit isu persekitaran, keresahan rakyat harus diberi perhatian

zanariah_mutalib@bh.com.my

Bangi: Kabinet yang bermesyuarat semalam, mencadangkan supaya projek ternakan babi secara berskala besar yang dirancang oleh Kerajaan Selangor di Bukit Tagar, dibatalkan terlebih dahulu, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim,

Perdana Menteri berkata, Kabinet berpandangan isu berkaitan ternakan babi pada skala besar itu membabitkan faktor persekitaran dan keresahan rakyat pelbagai kaum di sekitar kawasan baharu itu harus diberi perhatian.

"Pilihan kita, kadang-kadang bangunkan di tempat yang sama, yang ada ternakan dengan syarat yang ketat mengenai teknologi baharu. Jadi, itu pandangan yang diberikan rakan-rakan (dalam Kabinet) dan saya akan bincang semula dengan Menteri Besar, mengambil kira keresahan dan nasihat serta titah Tuanku Sultan Selangor.

"Saya akan bincang dengan Menteri Besar Selangor (untuk) bagi pandangan, kalau boleh batalkan dahulu projek itu dan pertimbangkan kalau boleh kawasan yang lebih baik dengan syarat teknologi itu terjamin.

"Kalau pun teknologi itu baik tapi di kawasan yang menimbulkan keresahan itu tentunya tidak



Anwar melambai tangan kepada jemaah selepas menunaikan Solat Jumaat di Surau Al Amin Seksyen 8, Bandar Baru Bangi, semalam. (Foto Hazreen Mohamad/BH)

wajar diteruskan," katanya kepada media selepas menunaikan solat Jumaat di Surau Al-Amin, Bandar Baru Bangi di sini, semalam.

Pada 12 Januari lalu, Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, dilaporkan murka terhadap perancangan Kerajaan Selangor yang membenarkan operasi penternakan babi berskala besar di Tanjung Sepat, Kuala Langat bermula tahun ini, sebelum dipindahkan ke Bukit Tagar pada 2030.

Dalam titah kenyataan, baginda tidak bersetuju khususnya apabila ada kemungkinan ia membabitkan penternakan babi berskala besar dan ber-

orientasikan eksport keluar negara.

Baginda juga menzahirkan kebimbangan kerana kawasan Kuala Langat didiami ramai penduduk Melayu dan sehingga ke hari ini, masalah berkaitan penternakan babi di kawasan itu masih gagal diselesaikan sepenuhnya sejak 2010.

Sultan Sharafuddin turut mempersoalkan sama ada perancangan projek itu membabitkan kepentingan kelompok ahli politik dan ahli perniagaan tertentu serta menimbulkan kebimbangan terhadap kemungkinan wujudnya unsur rasuah, konflik kepentingan atau ketirisan tadbir urus dalam proses perancangan

serta kelulusan projek berkenaan.

Masalah pencemaran

Mengulas lanjut, Anwar berkata, kawasan penternakan, seperti bagi khinzir dan ayam kadangkala mendatangkan masalah pencemaran yang sangat berat seperti yang berlaku di Morib ketika ini.

Justeru katanya, ia tidak boleh dipandang ringan dan mengangap perkara itu boleh diselesaikan dengan mudah.

"Tentunya (projek ternakan babi) ini bidang kuasa Kerajaan Selangor tapi saya fikir ia menimbulkan sedikit keresahan," katanya.